

DARIPADA SUPREMASI MAMLUK KEPADA HEGEMONI UTHMANIYYAH: DIMENSI POLITIK, EKONOMI DAN KETENTERAAN DALAM PERTEMPURAN MARJ DABIQ (1516)

FROM MAMLUK SUPREMACY TO OTTOMAN HEGEMONY: POLITICAL, ECONOMIC AND MILITARY DIMENSIONS OF THE BATTLE OF MARJ DABIQ (1516)

Ahmad Shukri Johara¹

Ezad Azraai Jamsari²

Ermy Azziaty Rozali^{3*}

Muhammad Zharif Baharudin⁴

Noorsafuan Che Noh⁵

Anwar Muttaqin⁶

Adibah Sulaiman⁷

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: p165920@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ezad@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ermy@ukm.edu.my)

⁴ Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia (E-mail: zharifbaha@gmail.com)

⁵ Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia (E-mail: noorsafuancn@unisza.edu.my)

⁶ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: anwar86@ukm.edu.my)

⁷ Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: adibah@usim.edu.my)

*Corresponding author: ermy@ukm.edu.my

Article history

Received date : 7-6-2026

Revised date : 8-6-2026

Accepted date : 15-7-2026

Published date : 23-7-2026

To cite this document:

Johara, A. S., Jamsari, E. A., Rozali, E. A., Baharudin, M. Z., Che Noh, N., Muttaqin, A. & Sulaiman, A. (2026). Daripada supremasi Mamluk kepada hegemoni Uthmaniyyah: Dimensi politik, ekonomi dan ketenteraan dalam Pertempuran Marj Dabiq (1516). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 605 – 617.

Abstrak: Selim I ialah sultan Uthmaniyyah dari tahun 1512 hingga 1520 iaitu bersamaan dengan lapan tahun tempoh pemerintahan yang menyaksikan banyak pencapaian dikecapi dan membawa kepada perluasan wilayah Uthmaniyyah yang ketara serta mengubah landskap geopolitik dunia Islam ketika itu setelah baginda melibatkan diri dalam beberapa siri pertempuran sebelum berjaya mendapatkan gelaran Khalifah dari kuasa Mamluk di Mesir. Penulisan ini bertujuan untuk meneliti figura penting dalam Pertempuran Marj Dabiq serta

faktor yang menyumbang kepada berlakunya pertempuran berkenaan semasa zaman pemerintahan Selim I sehingga berjaya menjadikan Kerajaan Uthmaniyyah sebagai sebuah khilafah yang baharu. Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk sejarah. Keseluruhan penulisan ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Bagi kaedah pengumpulan data, maklumat kajian ini dikumpul menggunakan analisis dokumen dengan penelitian terhadap sumber-sumber rujukan yang relevan. Manakala bagi kaedah penganalisan data, kajian ini selanjutnya menggunakan pendekatan kritikan luaran dan dalaman bersesuaian dengan metode sejarah. Dapatan kajian menghujahkan bahawa Pertempuran Marj Dabiq (1516) ialah manifestasi konflik strategik antara Kerajaan Uthmaniyyah dengan Kesultanan Mamluk, yang didorong oleh kepentingan ekonomi, ketegangan politik dan juga perbezaan ideologi mazhab. Kemenangan ketenteraan Uthmaniyyah di bawah kepimpinan Selim I mencerminkan usaha politik dan diplomatik Uthmaniyyah serta aspirasi untuk menyatukan dunia Islam Sunni di bawah satu pemerintahan terpusat. Konflik ini menandakan permulaan transformasi geopolitik wilayah Arab, mengukuhkan hegemoni Uthmaniyyah dan menetapkan peranannya sebagai kuasa dominan dalam dunia Islam selepas abad ke-16M.

Kata Kunci: *Selim I; Pertempuran Marj Dabiq; Sejarah Ketenteraan Uthmaniyyah; Kesultanan Mamluk*

Abstract: *Selim I was an Ottoman sultan who reigned from 1512 to 1520. Despite his relatively short eight-year reign, he achieved numerous significant accomplishments that contributed to the substantial expansion of Ottoman territories and reshaped the geopolitical landscape of the Islamic world. His military campaigns culminated in the Ottoman acquisition of the caliphal authority from the Mamluk Sultanate in Egypt. This study aims to examine the key figures involved in the Battle of Marj Dabiq and to analyse the factors that contributed to the outbreak of the battle during the reign of Selim I, which ultimately facilitated the transformation of the Ottoman Empire into a new Islamic caliphate. This research adopts a qualitative approach through a historical research design and content analysis. Data were collected through document analysis involving the examination of relevant primary and secondary sources. The analysis further employed both external and internal criticism methods in accordance with established historical methodology. The findings argue that the Battle of Marj Dabiq (1516) represented a strategic conflict between the Ottoman Empire and the Mamluk Sultanate, driven by economic interests, political tensions, and sectarian ideological differences. The Ottoman military victory under the leadership of Selim I reflected the empire's political and diplomatic efforts, as well as its aspiration to unite the Sunni Muslim world under a centralized authority. This conflict marked the beginning of a geopolitical transformation in the Arab region, strengthened Ottoman hegemony, and established its role as the dominant power in the Islamic world after the sixteenth century.*

Keywords: *Selim I; Battle of Marj Dabiq; Ottoman Military History; Mamluk Sultanate*

Pengenalan

Pertempuran Marj Dabiq yang berlaku pada tanggal 24 Ogos 1516 di dataran Marj Dabiq berhampiran Aleppo, utara Syria merupakan titik perubahan utama dalam sejarah politik dan ketenteraan dunia Islam awal abad ke-16M. Peristiwa ini mempertemukan Kesultanan Uthmaniyyah di bawah kepimpinan Selim I (1512-1520) dengan Kesultanan Mamluk yang dipimpin al-Ashraf Qansuh al-Ghawri (1501-1516). Kepentingannya bukan sekadar konflik

ketenteraan, tetapi turut membawa implikasi geopolitik besar apabila ia menandakan kejatuhan dominasi Mamluk di Syria serta membuka jalan kepada penguasaan Uthmaniyyah ke atas Mesir, Hijaz dan wilayah utama dunia Arab, sekali gus merombak struktur kuasa dunia Islam secara menyeluruh (Agoston, 2021).

Kesultanan Mamluk sejak abad ke-15M berfungsi sebagai kuasa utama di Mesir, Syria dan Hijaz serta memainkan peranan strategik sebagai pengawal laluan perdagangan Timur-Barat dan pelindung kota suci Makkah dan Madinah. Mereka juga pernah menjadi benteng pertahanan dunia Islam daripada ancaman kuasa Mongol pada abad ke-13M, menjadikan mereka sebagai simbol kekuatan politik dan ketenteraan Islam di Timur Tengah (Ayalon, 2016). Namun pada abad ke-16 Masihi, kelemahan mereka khususnya pada struktur dalaman pemerintahan kian ketara. Kuasa Eropah ketika itu seperti Portugis menunjukkan penguasaan terutama terhadap laluan perdagangan global di perairan Eropah mula menjadi titik perebutan kuasa dalam kalangan kerajaan sekitar Laut Mediterranean. Dalam masa yang sama, sistem ketenteraan Kesultanan Mamluk yang hanya bergantung kepada kavalri (pasukan tentera berkuda) tradisional semakin ketinggalan kerana tidak mengadaptasi teknologi senjata api yang semakin dominan dalam peperangan moden (Shaw, 1976). Gabungan faktor ini melemahkan daya tahan kuasa politik Mamluk secara menyeluruh.

Dalam konteks ini, kemunculan Selim I membawa perubahan besar dalam orientasi dasar luar Uthmaniyyah. Selepas menaiki takhta pada tahun 1512, beliau mengukuhkan kuasa melalui pendekatan ketenteraan yang agresif dan berdisiplin. Kemenangan beliau ke atas Kerajaan Safawiyyah dalam Pertempuran Chaldiran (1514) bukan sahaja menstabilkan sempadan timur Uthmaniyyah, tetapi juga membolehkan beliau menumpukan perhatian kepada wilayah Mamluk di selatan (Finkel, 2006). Selim I melihat penguasaan dunia Arab bukan sahaja sebagai peluasan kuasa politik dan ekonomi, tetapi juga sebagai misi ideologi untuk menyatukan dunia Islam di bawah kepimpinan Sunni serta melindungi kota-kota suci Islam. Sementara itu, berdasarkan analisis Ayalon (2016), jelas menunjukkan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri berhadapan dengan tekanan luaran dan kelemahan dalaman yang menjejaskan keupayaan Kesultanan Mamluk untuk mengekalkan kedudukannya sebagai kuasa utama dunia Islam.

Pertempuran di Marj Dabiq akhirnya menjadi hasil daripada gabungan faktor ekonomi, geopolitik dan ketenteraan yang kompleks. Bagi Selim I, kemenangan di medan ini membuka laluan strategik ke Mesir dan seterusnya ke pusat simbolik *Khilafah* Abbasiyyah di Kaherah. Bagi Mamluk pula, ia merupakan usaha terakhir mempertahankan kedaulatan dan maruah politik mereka. Namun keunggulan organisasi ketenteraan Uthmaniyyah yang lebih tersusun, bersama penggunaan artileri moden dan struktur komando berpusat, memberikan kelebihan taktikal yang menentukan. Keadaan ini membawa kepada kekalahan Mamluk di Syria dan membuka jalan kepada penguasaan Uthmaniyyah ke atas seluruh wilayah Arab pada tahun berikutnya (Agoston & Masters, 2009).

Peristiwa Pertempuran Marj Dabiq ini bukan hanya sekadar pertembungan dua kuasa Islam yang biasa, tetapi ia merupakan satu titik tolak kepada perubahan nyata dalam sejarah dunia Islam. Transformasi ini menunjukkan satu bentuk hegenomi baharu dari Kesultanan Mamluk kepada Kerajaan Uthmaniyyah sehingga menjadi sebuah landskap geopolitik Timur Tengah yang mencapai satu kuasa untuk beberapa abad kemudiannya. Sejarah ini membuktikan bagaimana dengan permerkasaan atau naik taraf kualiti ketenteraan, menganalisis ekonomi untuk jangka panjang serta strategi kepimpinan yang berbeza dapat menentukan arah atau corak perkembangan sesebuah tamadun. Pertempuran Marj Dabiq menandakan permulaan

transformasi geopolitik yang signifikan dalam dunia Islam, apabila dominasi Kesultanan Mamluk mula digantikan oleh hegemoni Uthmaniyyah yang kemudiannya membentuk suatu sistem pemerintahan yang lebih berpusat dan tersusun di wilayah-wilayah Arab.

Figura Penting Pertempuran Marj Dabiq (1516)

Pertempuran Marj Dabiq (1516) tidak dapat difahami sepenuhnya tanpa menyoroti dua figura utama yang mencorakkan peristiwa bersejarah tersebut (Holt, 1986). Di satu pihak, berdiri Selim I, seorang sultan Uthmaniyyah yang berpandangan strategik, tegas dalam tindakan serta berani mengubah orientasi politik dunia Islam pada zamannya. Di pihak lain pula, al-Ashraf Qansuh al-Ghawri, pemerintah Mamluk yang berusia lanjut namun masih teguh mempertahankan kelangsungan dan legitimasi pemerintahannya. Kedua-dua tokoh ini bukan sekadar mewakili kepimpinan dua kerajaan besar, tetapi juga melambangkan pertembungan antara model pemerintahan Uthmaniyyah yang sedang berkembang dengan tradisi politik Mamluk yang telah lama bertapak. Pertembungan mereka di Marj Dabiq bukan sekadar suatu konflik ketenteraan, malah merupakan titik perubahan geopolitik yang signifikan dalam sejarah dunia Islam yang mengubah keseimbangan kuasa politik serta membuka jalan kepada kemunculan Uthmaniyyah sebagai kuasa dominan di wilayah Arab (Faroqhi, 2004).

Selim I

Selim I dikenali dalam historiografi Uthmaniyyah dengan gelaran *Yavuz*, yang merujuk kepada sifat tegas, berani dan cekap dalam membuat keputusan politik serta ketenteraan. Baginda dilahirkan pada tahun 875H/1470M di Amasya (Finkel, 2005). Baginda merupakan putera kepada Bayezid II dan Ayşe Gülbahar Hatun (Agoston, 2021), serta cucu kepada Mehmed al-Fatih, iaitu tokoh yang berjaya mengangkat Kerajaan Uthmaniyyah sebagai satu daripada kuasa politik dan ketenteraan utama dunia Islam selepas pembukaan Konstantinople pada tahun 1453. Kedudukan Selim I dalam salasilah pemerintah Uthmaniyyah memberikan baginda asas legitimasi politik yang kukuh serta akses kepada tradisi pemerintahan dan ketenteraan yang telah lama berkembang dalam institusi Uthmaniyyah. Dalam konteks Uthmaniyyah abad ke-15M, keturunan bukan sekadar faktor pewarisan dinasti, tetapi juga sumber utama legitimasi yang menyokong autoriti politik dan menjamin kesinambungan pemerintahan dalam struktur politik Uthmaniyyah yang semakin berkembang. Oleh itu, latar keluarga Selim I memainkan peranan penting dalam membentuk orientasi politik dan keupayaan kepimpinannya sebagai bakal pemerintah.

Kelahiran Selim I di Amasya turut memberikan implikasi politik yang signifikan, kerana wilayah ini berfungsi sebagai pusat latihan putera diraja dalam sistem *sancak* atau *sanjak* (Shaw, 1976). Amasya menjadi medan pembelajaran pentadbiran sebenar, dengan para putera Uthmaniyyah ditempatkan untuk mempelajari pengurusan wilayah, kewangan, ketenteraan serta hubungan dengan golongan elit tempatan. Sistem ini berbeza daripada tradisi monarki lain kerana ia menekankan pengalaman praktikal berbanding teori. Dalam konteks ini, kota Amasya bukan sekadar tempat kelahiran Selim I, tetapi juga ruang pembentukan awal identiti politiknya. Pengalaman pentadbiran di wilayah ini membantu membentuk keupayaan kepimpinan yang lebih realistik dan bersedia menghadapi cabaran pemerintahan dalam kerangka politik Uthmaniyyah.

Sebagai seorang putera (*çelebi*), Selim I menerima pendidikan sistematik melalui institusi Enderun, iaitu pusat latihan elit bagi melahirkan pentadbir dan pemimpin pemerintahan Uthmaniyyah (İnalçık, 1973). Pendidikan ini tidak hanya menekankan ilmu agama, tetapi juga kemahiran pentadbiran dan kepimpinan dalam konteks pemerintahan yang bersifat multietnik.

Baginda mempelajari al-Quran, Hadis, ilmu-ilmu Islam serta kesusasteraan Arab dan Parsi yang menjadi bahasa intelektual dunia Islam pada ketika itu (Shaw, 1976). Penguasaan bahasa Arab membolehkan akses langsung kepada sumber agama, manakala bahasa Parsi membuka ruang kepada tradisi kesusasteraan dan budaya intelektual yang luas. Pendidikan ini membentuk keseimbangan antara kewibawaan agama dan keupayaan politik yang diperlukan seorang pemerintah tertinggi (sultan).

Selain pendidikan akademik, Selim I turut menjalani latihan ketenteraan intensif di bawah bimbingan seorang *Lala*, iaitu mentor diraja yang bertanggungjawab membentuk disiplin dan mengasah kemahiran kepimpinan baginda (Finkel, 2005). Latihan ini merangkumi strategi peperangan, penggunaan senjata, memanah dan juga kemahiran menunggang kuda. Penekanan terhadap latihan ketenteraan mencerminkan realiti bahawa kekuatan Uthmaniyyah bergantung kepada keupayaan ketenteraan. Oleh itu, pembentukan Selim I sebagai pemerintah adalah hasil gabungan pendidikan intelektual dan ketenteraan yang seimbang, yang kemudiannya mempengaruhi pendekatan pemerintahannya yang tegas dan berorientasikan ketenteraan.

Selim I juga mempunyai kecenderungan intelektual yang tinggi dan dikenali sebagai penyair dengan nama pena *Selimi* serta sebagai penaung kepada para ulama dan sasterawan (Shaw, 1976). Meskipun sering digambarkan sebagai pemerintah yang keras, aspek intelektual ini menunjukkan dimensi lain dalam keperibadiannya. Tradisi penaungan ilmu dalam Uthmaniyyah berfungsi sebagai sumber legitimasi politik, dengan hubungan antara pemerintah dan ulama yang memperkukuhkan autoriti pemerintahan. Oleh itu, minat Selim I terhadap puisi dan kesusasteraan mencerminkan usaha membina imej pemerintah yang seimbang antara kekuatan fizikal dan kewibawaan intelektual. Sebelum menaiki takhta, Selim I berkhidmat sebagai Gabenor (*sancak-beyi*) di Trabzon selama hampir 29 tahun (Agoston, 2021). Tempoh yang panjang ini memberikan baginda pengalaman mendalam dalam pentadbiran wilayah strategik yang berhadapan dengan pelbagai cabaran geopolitik, khususnya di sempadan timur. Trabzon menjadi medan latihan pentadbiran sebenar yang memperkukuhkan kemahiran pentadbiran, diplomasi, dan ketenteraan baginda. Pengalaman ini membolehkan Selim I memahami realiti ancaman luar serta dinamik politik serantau yang kompleks, sekali gus membentuk visi strategiknya sebagai bakal pemerintah Uthmaniyyah.

Di Trabzon, Selim I turut berhadapan dengan perkembangan awal Kerajaan Safawiyyah di bawah pemerintahan Shah Isma'il (Savory, 1980). Kebangkitan dinasti Safawiyyah ini bukan sahaja mencabar kuasa politik Uthmaniyyah, tetapi juga membawa dimensi ideologi melalui penyebaran Syiah di Anatolia. Konflik ini mewujudkan persaingan bukan sekadar wilayah, tetapi juga perebutan legitimasi keagamaan dalam dunia Islam. Pengalaman ini membentuk sikap Selim I yang lebih berhati-hati dan tegas terhadap Safawiyyah, yang kemudiannya menjadi asas kepada dasar luar anti-Safawiyyah dalam pemerintahannya.

Pengalaman ketenteraan Selim I diperkukuhkan melalui beberapa ekspedisi ke wilayah Georgia dan kawasan sempadan timur, yang meningkatkan reputasinya dalam kalangan pasukan Janissari (Finkel, 2005). Sokongan Janissari amat penting dalam struktur politik Uthmaniyyah kerana mereka sering menjadi penentu dalam perebutan takhta. Kejayaan ketenteraan ini memperkukuhkan kedudukan Selim I sebagai pemimpin yang berwibawa dan berpengaruh. Pada tahun 1511, baginda turut dilantik sebagai gabenor di Smederevo di Balkan dalam konteks krisis penggantian kuasa (Shaw, 1976). Pelantikan ini menunjukkan peningkatan pengaruh politik Selim serta ketegangan yang semakin memuncak dalam proses perebutan takhta antara baginda dan pesaing lain dalam pemerintahan Uthmaniyyah.

Pembentukan Selim I sebagai pemerintah Uthmaniyyah tidak berlaku secara spontan, tetapi merupakan hasil gabungan faktor keturunan, pendidikan, latihan ketenteraan, dan pengalaman pentadbiran wilayah. Dari Amasya ke Enderun, dari Trabzon ke medan konflik sempadan timur, setiap peringkat kehidupan baginda membentuk identiti politik dan ketenteraan yang kukuh. Pengalaman ini bukan sahaja menyediakan Selim I sebagai pemerintah yang berwibawa, tetapi juga meletakkan asas kepada pendekatan pemerintahannya yang tegas, strategik, dan berorientasikan pengukuhan kuasa politik serta ketenteraan bagi pemerintahan Uthmaniyyah.

Al-Ashraf al-Qansuh al-Ghawri

Al-Ashraf Qansuh al-Ghawri ialah sultan Mamluk ke-46 dan pemerintah ke-20 daripada dinasti Mamluk Burji yang memerintah dari tahun 1501 hingga 1516, iaitu tempoh yang sering dianggap oleh para sejarawan sebagai fasa terakhir kewujudan Kesultanan Mamluk sebelum kemunculan hegemoni Uthmaniyyah di Timur Tengah (Holt, 1986). Kedudukan beliau dalam sejarah Mamluk bukan sahaja penting kerana merupakan pemerintah terakhir yang berupaya mengekalkan sebahagian besar struktur politik tradisional kesultanan tersebut, tetapi juga kerana pemerintahannya berlangsung dalam era transformasi geopolitik dunia Islam yang signifikan akibat kebangkitan kuasa-kuasa baharu di rantau Mediterranean, Anatolia, Laut Merah, dan Lautan Hindi.

Al-Ghawri berasal daripada golongan Mamluk Circassian dan merupakan seorang hamba yang dibeli oleh Sultan al-Ashraf Qaytbay sebelum melalui proses latihan dan mobiliti sosial yang menjadi ciri utama sistem Mamluk (Petry, 1994). Berbeza dengan sistem monarki yang berasaskan keturunan, struktur politik Mamluk dibina atas dasar ketenteraan dan kesetiaan korporat dalam kalangan golongan Mamluk sendiri, yang membolehkan seseorang individu mencapai kedudukan tertinggi dalam pemerintahan melalui prestasi ketenteraan serta jaringan penaungan dan keupayaan politik. Oleh itu, perjalanan hidup al-Ghawri daripada seorang hamba kepada seorang sultan mencerminkan sifat unik institusi Mamluk yang memberikan ruang mobiliti sosial yang luar biasa dalam konteks dunia Islam abad pertengahan.

Nama 'al-Ghawri' yang digunakan oleh beliau merujuk kepada Barak Ghur (*Bārik al-Ghūr* atau *Barracks of Ghur*) merujuk kepada kompleks asrama atau barak ketenteraan Mamluk di kota Kaherah, iaitu tempat beliau menerima latihan dan pendidikan awal sebagai seorang Mamluk (Al-Sayyad, 2011). Penamaan ini bukan sekadar identiti peribadi, tetapi juga mencerminkan hubungan institusional yang mendalam antara seseorang Mamluk dengan persekitaran latihan yang membentuk karakter, kesetiaan, dan orientasi politik mereka. Dalam konteks yang lebih luas, sistem latihan Mamluk berfungsi sebagai mekanisme reproduksi elit politik dan ketenteraan yang membolehkan kesinambungan struktur pemerintahan walaupun tanpa bergantung kepada pewarisan dinasti secara langsung. Keupayaan sistem tersebut menghasilkan tokoh seperti al-Ghawri menjelaskan mengapa Kesultanan Mamluk mampu bertahan selama beberapa abad sebagai salah satu kuasa utama dunia Islam meskipun sering berhadapan dengan konflik dalaman, perebutan kuasa, dan tekanan luaran yang berterusan.

Pendidikan al-Ghawri sebagai seorang Mamluk bermula dengan pengajian agama yang komprehensif. Beliau diwajibkan mempelajari asas-asas Islam, menghafal al-Quran dan mendalami ilmu Usuluddin di bawah seliaan golongan *eunuch* (sida) yang memainkan peranan penting dalam pembentukan disiplin dan identiti awal golongan Mamluk (Muir, 2007). Aspek ini memperlihatkan sistem Mamluk tidak sekadar melahirkan kelompok tentera profesional, tetapi turut berusaha membentuk individu yang mempunyai kefahaman agama yang mencukupi untuk menyokong legitimasi pemerintahan Islam. Dalam konteks politik Mamluk, agama

memainkan fungsi yang sangat penting kerana pemerintah tidak memiliki legitimasi berasaskan keturunan Nabi Muhammad SAW atau status khalifah yang sah secara genealogis. Oleh itu, penguasaan terhadap ilmu agama dan hubungan rapat dengan institusi keagamaan menjadi salah satu sumber legitimasi yang membantu memperkukuhkan autoriti politik pemerintah. Setelah mencapai usia matang dan menyelesaikan pendidikan intelektual, al-Ghawri menjalani latihan ketenteraan yang intensif dan mencabar di barak-barak Mamluk (Al-Sayyad, 2011). Latihan ini meliputi kemahiran memanah, menunggang kuda, penggunaan senjata, serta penguasaan strategi peperangan yang menjadi asas kepada identiti ketenteraan Mamluk selama berabad-abad.

Sebelum menaiki takhta, al-Ghawri membina kerjaya yang cemerlang meskipun melalui tempoh perkhidmatan yang panjang dalam struktur pentadbiran dan ketenteraan Kesultanan Mamluk (Al-Sayyad, 2011). Beliau memulakan perkhidmatan sebagai pembantu peribadi dan valet kepada Sultan Qaytbay, satu jawatan yang membolehkannya memperoleh akses langsung kepada pusat kuasa dan memahami mekanisme pentadbiran negara dari peringkat tertinggi (Muir, 2007). Pengalaman tersebut memberi peluang kepada beliau untuk membina jaringan hubungan politik dengan golongan *emir* dan pegawai kanan yang kemudiannya menjadi aset penting dalam perjalanan kerjayanya. Dalam sistem politik Mamluk yang sering dicirikan oleh persaingan elit dan pergolakan dalaman, keupayaan membina hubungan penaungan politik merupakan faktor yang hampir sama pentingnya dengan keupayaan ketenteraan. Pengalaman beliau turut diperkukuhkan melalui penglibatan dalam kempen-kempen menentang pemerintahan Uthmaniyyah di kawasan sempadan (Kinross, 1977).

Penglibatan ini memberikan pendedahan awal terhadap kekuatan ketenteraan Kerajaan Uthmaniyyah yang semakin berkembang dan secara tidak langsung memperlihatkan perubahan keseimbangan kuasa dalam dunia Islam pada penghujung abad ke-15M. Prestasi cemerlang yang ditunjukkan dalam bidang pentadbiran dan ketenteraan membawa kepada pelantikannya sebagai Gabenor Tarsus, Bentara di Aleppo, dan Gabenor Malatia, sebelum mencapai kedudukan tertinggi sebagai '*Emir Seribu*', *Khazin al-Dawlah* (Bendahari Kerajaan) dan Ketua Wazir (Al-Sayyad, 2011). Kenaikan status yang beransur-ansur ini menunjukkan al-Ghawri bukanlah seorang pemerintah yang muncul secara kebetulan, sebaliknya merupakan produk daripada pengalaman birokrasi dan ketenteraan yang panjang. Pengalaman luas tersebut menjadikannya antara tokoh yang paling berkelayakan untuk memimpin Kesultanan Mamluk pada saat ia berhadapan dengan pelbagai cabaran ekonomi, ketenteraan, dan geopolitik yang semakin kompleks menjelang awal abad ke-16M.

Faktor yang Menyumbang kepada Pertempuran Marj Dabiq

Pertempuran Marj Dabiq pada tahun 1516 merupakan kemuncak kepada persaingan ekonomi, politik, dan ketenteraan yang telah lama berlaku antara Kesultanan Mamluk dan Kerajaan Uthmaniyyah. Kedua-dua kuasa ini muncul sebagai entiti politik Islam yang dominan di Timur Tengah dan masing-masing berusaha memperluaskan pengaruh serta mengukuhkan kedudukan mereka dalam dunia Islam. Di bawah pemerintahan Selim I, Kerajaan Uthmaniyyah melaksanakan dasar peluasan wilayah secara agresif dan berusaha menghapuskan mana-mana kuasa yang berpotensi mencabar hegemoninya. Namun begitu, cita-cita Uthmaniyyah untuk menguasai Syria dan Mesir berdepan halangan daripada Kesultanan Mamluk yang ketika itu menguasai kedua-dua wilayah tersebut. Penguasaan terhadap wilayah Mamluk bukan sahaja membolehkan Uthmaniyyah memperluaskan wilayahnya, malah mengukuhkan kedudukannya sebagai kuasa Islam utama serta meningkatkan pengaruhnya di dunia Islam (Agoston, 2021).

Faktor Ekonomi

Perubahan struktur ekonomi dan geopolitik dunia Islam menjelang abad ke-15M dan awal abad ke-16M banyak dipengaruhi oleh transformasi besar dalam corak perdagangan global, khususnya selepas kemunculan kuasa maritim Portugis di Lautan Hindi pada penghujung abad ke-15M (Gelvin, 2011). Perkembangan ini telah mengganggu keseimbangan perdagangan rempah-ratus yang sebelum ini berpusat dalam jaringan ekonomi dunia Islam melalui Laut Merah, Teluk Parsi, dan Mediterranean Timur. Penemuan laluan laut ke India oleh Vasco da Gama membolehkan Portugis melaksanakan sekatan maritim serta sistem monopoli perdagangan di Lautan Hindi, sekali gus melemahkan dominasi kuasa perdagangan Islam yang bergantung kepada laluan tradisional. Kesan langsung daripada gangguan ini adalah kemerosotan drastik hasil cukai transit Kesultanan Mamluk yang selama ini menjadi tunjang utama ekonomi pemerintahan tersebut, lalu mencetuskan krisis fiskal yang kronik serta melemahkan kestabilan institusi politik mereka (Savory, 1980; Muir, 2007). Dalam konteks ini, krisis ekonomi Mamluk bukan sekadar kegagalan pentadbiran, tetapi merupakan sebahagian daripada perubahan struktur ekonomi global yang mengalihkan pusat kuasa perdagangan daripada dunia Islam kepada kuasa maritim Eropah yang sedang berkembang.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Uthmaniyyah di bawah Selim I mula melihat peluang strategik untuk menguasai pusat ekonomi utama dunia Islam, khususnya Syria dan Mesir, yang berperanan sebagai pusat utama rangkaian perdagangan antarabangsa (Agoston, 2021). Sebelum konflik terbuka berlaku, Uthmaniyyah telah memberikan bantuan ketenteraan kepada Mamluk, termasuk meriam dan bahan pembinaan kapal bagi menghadapi ancaman Portugis di Lautan Hindi (Finkel, 2005). Walaupun bantuan ini kelihatan sebagai solidariti dunia Islam, ia turut berfungsi sebagai ruang pemerhatian strategik bagi Uthmaniyyah untuk menilai kelemahan struktur ketenteraan Mamluk yang masih bergantung kepada sistem elit yang tidak berpusat. Hasil pemerhatian ini memperkukuhkan keyakinan Uthmaniyyah bahawa wilayah Mamluk mempunyai potensi ekonomi yang sangat besar sekiranya diuruskan melalui sistem pentadbiran pusat yang lebih cekap dan birokratik (Shaw, 1976). Oleh itu, penguasaan wilayah tersebut bukan sekadar perluasan wilayah, tetapi strategi integrasi ekonomi yang bertujuan menguasai laluan perdagangan utama dunia Islam, termasuk laluan sutera dari Parsi dan laluan rempah dari Timur, yang berpotensi menggandakan hasil perbendaharaan pemerintahan Uthmaniyyah.

Pada masa yang sama, kelemahan dalaman Kesultanan Mamluk semakin ketara akibat kesan jangka panjang wabak *Black Death* yang mengurangkan populasi secara drastik serta menjejaskan produktiviti pertanian dan sistem *iqta* (Holt, 1986). Keadaan ini melemahkan asas ekonomi pemerintahan tersebut dan menjejaskan hubungan antara pemerintah dengan golongan tentera elit yang bergantung kepada hasil tanah. Untuk menampung tekanan fiskal dan ketenteraan, Qansuh al-Ghawri melaksanakan dasar ekonomi yang semakin membebankan, termasuk peningkatan cukai dan devaluasi mata wang, yang akhirnya menjejaskan kepercayaan rakyat serta golongan pedagang terhadap pemerintahan Mamluk (Petry, 1994). Situasi ini mempercepatkan kemerosotan legitimasi politik Mamluk menjelang Pertempuran Marj Dabiq, apabila sokongan domestik semakin lemah dan struktur sosial menjadi tidak stabil (Pamuk, 2000).

Selain faktor dalaman, Kerajaan Uthmaniyyah turut menggunakan strategi geopolitik berbentuk 'perang perdagangan' dengan menguasai wilayah Dulkadir dan kawasan sempadan strategik bagi menyekat bekalan bahan mentah penting seperti kayu balak dan logam kepada Mamluk (İnalçık, 1973). Strategi ini bukan sahaja melemahkan keupayaan ketenteraan Mamluk, tetapi

juga menunjukkan peralihan sifat peperangan daripada konvensional kepada bentuk ekonomi-strategik yang berasaskan kawalan rantai bekalan. Dalam masa yang sama, persaingan dengan Kerajaan Safawiyyah di Timur turut memaksa Uthmaniyyah mengukuhkan kawalan sempadan untuk mengelakkan kemungkinan pakatan strategik yang boleh mengancam kestabilan geopolitik mereka (Allouche, 1983; Jackson & Lockhart, 1986). Ini menunjukkan konflik Marj Dabiq tidak boleh difahami secara terasing, tetapi merupakan sebahagian daripada dinamika tiga kuasa besar yang bersaing untuk hegemoni di dunia Islam.

Pertempuran Marj Dabiq merupakan pertembungan antara dua model ekonomi politik yang berbeza, iaitu kemerosotan struktur ekonomi Mamluk yang berasaskan sistem lama dengan pragmatisme Uthmaniyyah yang berorientasikan integrasi pemerintahan berpusat (Mansel, 1996; Najeebabadi, 2001). Kemenangan Uthmaniyyah membolehkan mereka menguasai pusat-pusat ekonomi strategik dunia Islam dan mengintegrasikannya ke dalam sistem pentadbiran pusat yang lebih efisien, sekali gus meningkatkan hasil fiskal serta memperkukuhkan kedudukan mereka sebagai kuasa hegemonik utama. Proses ini bukan sahaja menandakan kejatuhan Mamluk, tetapi juga transformasi struktur kuasa dunia Islam ke arah sistem pemerintahan berpusat, yang menjadi asas kepada pengukuhan Uthmaniyyah pada abad-abad berikutnya (Cavdaroglu, 2017).

Faktor Politik

Dalam kerangka analisis sejarah politik, Pertempuran Marj Dabiq wajar difahami sebagai detik keruntuhan satu sistem pemerintahan berasaskan oligarki ketenteraan Mamluk dan kemunculan sistem kerajaan berpusat di bawah Uthmaniyyah yang lebih tersusun dari segi birokrasi, ketenteraan dan legitimasi politik (Agoston, 2021). Kejatuhan Mamluk tidak boleh dijelaskan melalui faktor tunggal, tetapi merupakan hasil interaksi kompleks antara kelemahan dalaman, tekanan geopolitik serantau serta strategi ekspansi Uthmaniyyah yang sistematik.

Faktor politik utama yang mencetuskan serangan Kerajaan Uthmaniyyah berkait rapat dengan ancaman dinasti Safawiyyah di bawah Shah Isma'il (Allouche, 1983). Kebangkitan Safawiyyah pada awal abad ke-16M telah mengubah keseimbangan kuasa dunia Islam melalui penginstitutionan identiti Syiah yang agresif, sekali gus mencetuskan ketegangan mazhab dengan dunia Sunni. Safawiyyah bukan sahaja memperkukuh kuasa politik di Iran, tetapi juga menyebarkan pengaruh ideologi mereka ke Anatolia melalui propaganda agama dan sokongan kepada suku Turcoman (Savory, 1980). Selepas kemenangan Selim I dalam Pertempuran Chaldiran pada tahun 1514, beliau memberi tumpuan kepada pengukuhan sempadan timur bagi memastikan kestabilan Anatolia sebelum melanjutkan perluasan wilayah ke arah Kesultanan Mamluk (Jackson & Lockhart, 1986). Namun, sikap Mamluk di bawah Qansuh al-Ghawri yang tidak konsisten terhadap konflik Uthmaniyyah-Safawiyyah menimbulkan ketegangan diplomatik, malah wujud syak wasangka mengenai hubungan tersirat antara Kaherah dan Tabriz (Floor, 2001). Selim I menggunakan naratif agama dengan menuduh Mamluk sebagai pihak yang membantu 'ahli bidaah' Safawiyyah, lalu memperoleh legitimasi keagamaan untuk melancarkan serangan terhadap Kesultanan Mamluk (Finkel, 2005).

Menurut Shaw (1976), Dulkadir berfungsi sebagai zon penampan strategik (sempadan *buffer*) antara wilayah Uthmaniyyah dan Mamluk, iaitu mengawal laluan ketenteraan dan perdagangan penting di Anatolia-Syria. Pemerintah Alauddevle yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Uthmaniyyah bertindak menyebelahi Mamluk dan mengganggu operasi ketenteraan Uthmaniyyah semasa kempen menentang Safawiyyah (Finkel, 2005). Tindakan ini mendorong Selim I untuk menguasai Dulkadir pada tahun 1515 sebagai langkah strategik bagi

menghapuskan entiti penampan yang berpotensi mengancam keselamatan pemerintahan Uthmaniyyah. Penguasaan ini membuka laluan langsung kepada wilayah Syria, sekali gus melemahkan pertahanan Mamluk dan menandakan permulaan konfrontasi terbuka antara kedua-dua kuasa (İnalçık, 1973). Dari sudut geopolitik, penghapusan Dulkadir mempercepatkan perubahan keseimbangan kuasa serantau dengan meletakkan Mamluk dalam keadaan defensif.

Kelemahan dalaman Kesultanan Mamluk juga merupakan faktor kritikal yang membawa kepada kekalahan mereka (Muir, 2007). Berbeza dengan Uthmaniyyah yang mengamalkan sistem pemusatan kuasa di bawah sultan, Mamluk beroperasi melalui struktur oligarki ketenteraan yang dikuasai oleh pelbagai puak emir. Persaingan antara puak seperti Ashrafiyyah dan Zahiriyyah menyebabkan autoriti sultan menjadi lemah dan bergantung kepada sokongan elit tentera (Holt, 1986). Keadaan ini mewujudkan ketidakstabilan politik yang kronik, dengan dasar pemerintahan sering berubah mengikut keseimbangan kuasa dalaman. Di samping itu, krisis ekonomi melemahkan keupayaan pemerintahan tersebut untuk membayar gaji tentera secara konsisten, sekali gus menjejaskan disiplin dan kesetiaan tentera Mamluk (Pamuk, 2000). Kemerosotan ini diperburuk oleh kekacauan sosial yang dilakukan oleh golongan *julbān*, yang mencerminkan kegagalan sistem ketenteraan Mamluk untuk mengekalkan kawalan sosial yang efektif.

Elemen pengkhianatan dan perisikan turut memainkan peranan penting dalam menentukan hasil pertempuran (Cavdaroglu, 2017). Beberapa tokoh penting Mamluk seperti Khair Bey dan Janbirdi al-Ghazali telah menjalin hubungan rahsia dengan Kerajaan Uthmaniyyah sebelum pertempuran berlaku. Khair Bey bertindak sebagai ejen maklumat yang membekalkan data strategik mengenai pertahanan Mamluk kepada Selim I. Semasa pertempuran, tindakan beliau menarik diri bersama pasukannya telah menyebabkan kekeliruan dan panik dalam kalangan tentera Mamluk, sekali gus mempercepatkan kekalahan mereka (Al-Sayyad, 2011). Fenomena ini menunjukkan kemenangan Uthmaniyyah bukan sahaja bergantung kepada kekuatan ketenteraan, tetapi juga kepada keupayaan diplomasi rahsia dan strategi perisikan yang efektif.

Hubungan permusuhan antara Kerajaan Uthmaniyyah dan Mamluk juga mempunyai latar sejarah yang lebih panjang, khususnya berkaitan perlindungan terhadap pencabar takhta Uthmaniyyah. Mamluk pernah memberi suaka kepada putera-putera seperti Cem Sultan dan Şehzade Korkud yang dianggap sebagai ancaman kepada kestabilan pemerintahan Uthmaniyyah (Shaw, 1976). Tindakan ini mewujudkan ketegangan diplomatik berpanjangan yang sering digunakan sebagai justifikasi oleh Uthmaniyyah untuk campur tangan dalam urusan dalaman Mamluk (Finkel, 2005). Dalam konteks ini, konflik Marj Dabiq boleh dilihat sebagai kemuncak kepada siri ketegangan politik yang telah lama berakar.

Akhirnya, persaingan untuk mendapatkan legitimasi sebagai pemimpin tertinggi dunia Islam menjadi faktor ideologi yang paling penting (Gelvin, 2011). Selepas kemenangan di Syria dan Mesir, Selim I berjaya mengalihkan pusat kuasa dunia Islam dari Kaherah ke Istanbul. Beliau mengambil gelaran *Khādim al-Ḥaramayn* (Pelayan Dua Kota Suci) dan membawa simbol Khilafah Abbasiyyah ke Istanbul, sekali gus menonjolkan legitimasi Kerajaan Uthmaniyyah sebagai kuasa utama dunia Islam (Faroghi, 2004). Peristiwa ini menandakan perubahan besar dalam struktur kepimpinan dunia Islam, dengan Uthmaniyyah muncul sebagai pelindung utama umat Islam dan kuasa politik yang dominan. Pertempuran Marj Dabiq merupakan hasil interaksi kompleks antara pragmatisme politik Uthmaniyyah, kelemahan struktur dalaman Mamluk, ancaman geopolitik Safawiyyah, serta keperluan untuk membentuk semula kepimpinan dunia

Islam (Najeebabadi, 2001). Kemenangan Uthmaniyyah bukan sahaja mengubah peta politik Asia Barat, tetapi turut membentuk landskap sosiopolitik dan tamadun Islam untuk beberapa abad seterusnya, menjadikan peristiwa ini sebagai *turning point* (titik perubahan) paling signifikan dalam sejarah pemerintahan Islam awal moden.

Ekspedisi Ketenteraan Uthmaniyyah Era Selim I: Dinamika Kemenangan Pertempuran Marj Dabiq

Perancangan strategik Selim I dalam perluasan ke Timur memperlihatkan pendekatan geopolitik yang tersusun dalam kerangka pemusatan kuasa pemerintahan Uthmaniyyah. Sebelum melancarkan kempen terhadap Kerajaan Safawiyyah dan Mamluk, beliau terlebih dahulu memastikan kestabilan sempadan Eropah melalui pembaharuan perjanjian damai dengan Venice, Poland, dan Hungary (Agoston, 2021). Langkah ini bukan sekadar strategi diplomatik defensif, tetapi merupakan mekanisme pengurusan risiko strategik bagi mengelakkan perang dua *front* yang boleh melemahkan kapasiti ketenteraan pemerintahan tersebut. Dengan menstabilkan Balkan, Selim I dapat menumpukan sepenuhnya sumber ketenteraan dan fiskal terhadap ancaman utama di Timur (Allouche, 1983). Legitimasi keagamaan turut digunakan apabila fatwa dikeluarkan bagi menghalalkan serangan terhadap Mamluk atas dasar kerjasama mereka dengan Safawiyyah yang dianggap ‘heretik’ (Jackson & Lockhart, 1986). Hal ini menunjukkan integrasi antara agama dan politik dalam membentuk justifikasi perang, sekali gus memperkukuh autoriti pemerintahan Uthmaniyyah.

Dari segi struktur ketenteraan, kekuatan utama Uthmaniyyah terletak pada pasukan Janissari sebagai tentera berdiri profesional yang terlatih secara sistematik (Agoston, 2021). Berbeza dengan Mamluk yang bergantung kepada kavalri feudal, Janissari merupakan pasukan infantri elit yang mahir menggunakan senjata api dan beroperasi dalam struktur disiplin berpusat (Faroqi, 2004). Perbezaan ini mencerminkan peralihan paradigma ketenteraan daripada sistem tradisional kepada sistem ketenteraan berasaskan birokrasi berpusat. Selain itu, sistem *timar* membolehkan mobilisasi kavalri *sipahi* melalui pemberian tanah sebagai sumber pembiayaan, sekali gus mengurangkan beban kewangan pusat. Sistem ini menunjukkan integrasi antara ekonomi agraria dan keperluan ketenteraan yang menyokong pengembangan pemerintahan Uthmaniyyah. Keunggulan struktur arahan berpusat di bawah sultan juga memastikan disiplin dan keseragaman strategi, berbeza dengan Mamluk yang sering berpecah.

Keberkesanan ekspedisi Selim I turut bergantung kepada kecekapan logistik yang tinggi. Penggerakan tentera dalam skala besar merentasi jarak jauh memerlukan perancangan bekalan yang kompleks (Savory, 1980). Uthmaniyyah menggunakan ribuan unta untuk mengangkut bekalan dan peralatan ketenteraan, di samping sokongan bekalan laut ke pelabuhan strategik seperti Trabzon. Infrastruktur jalan raya dan stesen *menzil* (stesen persinggahan rasmi kerajaan di sepanjang laluan perjalanan tentera) yang diwarisi daripada era Byzantine turut memainkan peranan penting dalam mempercepat mobiliti tentera (Pamuk, 2000). Sistem ini menunjukkan keupayaan pemerintahan Uthmaniyyah dalam mengintegrasikan infrastruktur lama dengan keperluan ketenteraan baharu, sekali gus memperkukuh kapasiti logistik kerajaan tersebut.

Dari sudut teknologi ketenteraan, kemenangan Uthmaniyyah di Marj Dabiq banyak dipengaruhi oleh penggunaan senjata api seperti meriam dan *arquebus* (senapang awal atau *early firearm* yang digunakan di Eropah dan kemudian diadaptasi oleh Uthmaniyyah). Integrasi teknologi serbuk letupan ke dalam doktrin peperangan Uthmaniyyah menandakan transformasi besar dalam sejarah ketenteraan Islam (Cavdaroglu, 2017). Taktik *wagenburg* (tabur) menggunakan kereta kuda yang dirantai membentuk benteng pertahanan sementara, membolehkan Janissari

menembak dari posisi selamat. Kekuatan tembakan ini memberi kesan psikologi besar terhadap kavalri Mamluk yang tidak terbiasa dengan bunyi letupan senjata api, menyebabkan kekacauan dalam formasi mereka (Gelvin, 2011). Kegagalan Mamluk menyesuaikan diri dengan teknologi baharu, serta penolakan mereka terhadap senjata api atas dasar ideologi, mempercepatkan kelemahan ketenteraan mereka.

Selain itu, rangkaian perisikan memainkan peranan penting dalam kejayaan ekspedisi Selim I. Perisikan digunakan bukan sahaja untuk mengumpul maklumat, tetapi juga untuk melemahkan moral dan kestabilan musuh melalui propaganda (Floor, 2001). Pengkhianatan Khair Bey, gabenor Aleppo, merupakan faktor kritikal yang melemahkan Mamluk dalam Pertempuran Marj Dabiq. Tindakannya menarik diri dari medan perang mencetuskan panik dalam kalangan tentera Mamluk, sekali gus mempercepatkan kekalahan mereka (Muir, 2007). Ini menunjukkan kemenangan bukan hanya bergantung pada kekuatan fizikal, tetapi juga pada kawalan kesetiaan politik dalam struktur pemerintahan lawan.

Kesimpulan

Kerajaan Uthmaniyyah di bawah Selim I dan Kesultanan Mamluk di bawah Qansuh al-Ghawri terlibat dalam konflik ketenteraan yang penting pada tahun 1516 dalam Pertempuran Marj Dabiq. Beberapa peristiwa sejarah yang penting dan faktor strategik memainkan peranan dalam konflik ini, yang menandakan permulaan penguasaan Uthmaniyyah ke atas dunia Arab. Selim I telah pun menunjukkan kebijaksanaan politik dan visi ketenteraan yang jelas sebelum pertempuran tersebut. Pertempuran Marj Dabiq tercetus akibat beberapa faktor utama. Pertama, insentif ekonomi merupakan elemen penting, iaitu keperluan Uthmaniyyah untuk mengukuhkan penguasaan terhadap laluan perdagangan Levant yang menghubungkan Asia dengan Mediterranean, sedangkan Kesultanan Mamluk menguasai jaringan perdagangan tersebut dan muncul sebagai pesaing strategik yang signifikan. Kedua, ketegangan politik antara kedua-dua kuasa semakin memuncak menjelang tercetusnya Pertempuran Marj Dabiq. Pada ketika itu, Kesultanan Mamluk berada dalam keadaan yang kian lemah akibat kemerosotan pentadbiran serta ketidakupayaan untuk menangani ancaman dalaman dan luaran secara berkesan.

Keadaan ini membuka ruang kepada pemerintahan Uthmaniyyah untuk memperluaskan pengaruh ke wilayah Mamluk. Pada masa yang sama, Uthmaniyyah turut berusaha mengukuhkan legitimasi politik dan keagamaannya sebagai pelindung utama Islam Sunni, khususnya dalam persaingan dengan Kerajaan Safawiyyah yang berfahaman Syiah. Selain itu, strategi peluasan ketenteraan yang dilaksanakan oleh Selim I memainkan peranan penting dalam mencetuskan konflik ini melalui kempen yang dirancang secara sistematik bagi memperluaskan wilayah dan mengukuhkan kedudukan Uthmaniyyah sebagai kuasa dominan dunia Islam. Oleh yang demikian, Pertempuran Marj Dabiq tidak boleh dilihat sebagai satu peristiwa ketenteraan yang terpencil, sebaliknya merupakan kemuncak kepada interaksi kompleks antara faktor sejarah, politik, ekonomi dan ideologi yang telah lama berkembang, serta membawa perubahan besar terhadap landskap politik dunia Islam pada abad ke-16M.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Geran Universiti Penyelidikan, Fakulti Pengajian Islam: GUP-2024-072, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Dana Insentif Penerbitan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

- Agoston, G. & Masters, B. (2009). *Encyclopedia of the Ottoman Empire*. New York: Facts on File, Inc. An Imprint of Infobase Publishing.
- Agoston, G. (2021). *The Last Muslim Conquest: The Ottoman Empire and Its Wars in Europe*. Princeton: Princeton University Press.
- Allouche, A. (1983). *The Origins and Development of the Ottoman-Safavid Conflict (906-962/1500-1555)*. Berlin: Klaus Schwarz Verlag.
- Al-Sayyad, N. (2011). *Cairo: Histories of a City*. Cambridge: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Ayalon, D. (2016). *Islam and the Abode of War: Military Slaves and Islamic Adversaries*. Abingdon: Routledge.
- Cavdaroglu, B. E. (2017). Askeri dönüşüm çağında Mercidabık ve Ridaniye savaşları üzerine bir tahlil [An analysis on battles of Marj Dabiq and Ridaniya in the era of military transformation]. *Ulakbilge*, 5(14), 1269-1284. <https://doi.org/10.7816/ulakbilge-05-14-04>.
- Faroghi, S. (2004). *The Ottoman Empire and the World Around It*. London: I.B. Tauris.
- Finkel, C. (2005). *Osman's Dream: The History of the Ottoman Empire*. New York: Basic Books.
- Floor, W. M. (2001). *Safavid Government Institutions*. Costa Mesa: Mazda Publishers.
- Gelvin, J. L. (2011). *The Modern Middle East: A History*. Ed. ke-3. New York: Oxford University Press.
- Holt, P. M. (1986). *The Age of the Crusades: The Near East from the Eleventh Century to 1517*. London: Longman.
- İnalcık, H. (1973). *The Ottoman Empire: The Classical Age 1300-1600*. London: Weidenfeld & Nicolson.
- Jackson, P., & Lockhart, L. (pnyt.). (1986). *The Cambridge History of Iran: Volume 6. The Timurid and Safavid Periods*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kinross, P. (1977). *The Ottoman Centuries: The Rise and Fall of the Turkish Empire*. New York: William Morrow and Company.
- Mansel, P. (1996). *Constantinople: City of the World-s Desire, 1453-1924*. New York: St. Martin-s Press.
- Muir, W. (2007). *The Mameluke or Slave Dynasty of Egypt 1260-1517 A.D.* New York: Gorgias Press.
- Najeebabadi, A. S. (2001). *The History of Islam*. Jil. 3. Riyadh: Darussalam.
- Pamuk, S. (2000). *A Monetary History of the Ottoman Empire*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Petry, C. F. (1994). *Protectors or Praetorians? The Last Mamluk Sultans and Egypt's Waning as a Great Power*. Albany: State University of New York Press.
- Savory, R. (1980). *Iran Under the Safavids*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shaw, S. J. (1976). *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey: Volume 1, Empire of the Gazis: The Rise and Decline of the Ottoman Empire 1280-1808*. Cambridge: Cambridge University Press.